



# Buletin **APB**

## EDISI 2



# **Sidang Redaksi**

2020

## **PENAUNG**

PROF. DR. YAMIN YASIN

## **PENASIHAT**

PROF. MADYA ZAINON BINTI ISMAIL

## **KETUA PENGARANG**

MOHD NUR FITRI BIN MOHD SALIM

## **PENOLONG PENGARANG**

NURULNABILAH BINTI ABDUL AZIZ

FATIN ALIYAH BINTI HASSAN

## **KETUA GRAFIK**

NURULNABILAH BINTI ABDUL AZIZ

## **SIDANG PENGARANG**

NUR AMIRAH NABIHAH BINTI ZAINAL ABIDIN

NUR HAKIMAH BINTI MD SALLEHUDDIN

SITI FATIMAH BINTI ABD RAHMAN

SITI FARHANI BINTI MD ALI

KHAIRUZZAMAN BIN MOHD WAFA

# PENULIS

Nur Hanini Binti Mohd Ariff  
Afni Anida Adnan  
Nur Shallaa Shamimi Binti Abdul Razak  
Prof. Madya Dr Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo  
Mohd Nur Fitri Mohd Salim  
Dr Alice Shanti  
Norshida Hashim  
Shahirah Almuddin  
Noor Shahida Wahab  
Siti Nur Dina Mohd Ali  
Mashitah Nordin  
Nur Farrah Atiqah Amran  
Azhani Almuddin  
Mohamed Hafizuddin Bin Mohamed Jamrus  
Nur Amirah Nabihah Zainal Abidin  
Nur Hakimah Md Sallehuddin  
Siti Farhani Mohd Ali  
Chong Geeng Ling  
Teoh Joo Tong  
Sheela Paramasivam  
Siti Fatimah Abd. Rahman

## PENERBIT

Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban  
Persiaran Tiga/1, Seremban 3,  
70300 Seremban, Negeri Sembilan.

# Menarik

## EDISI INI

### ARTIKEL

Tirai Bahasa

*Nur Hanini Mohd Ariff*

What If...

*Afni Anida Adnan*

Bahasa "Tembok Besar"

*Nur Shalla Shamimi Abdul Razak*

How Community Projects Open Up Windows of Learning and Awareness

*Professor Madya Dr. Angeline Ranjithamoney Vijayarajoo*

### PROGRAM

APB KAMPUS KUALA PILAH

Project to Improve English Rural Schools - PIERS

*Dr Alice Shanti*

Tautan Hati dan Khidmat Bakti

*Noorshida Hashim, Syahirah Almuddin dan Noor Shahida Wahab*

Taklimat KHIND STARFISH FOUNDATION

*Siti Nur Dina Mohd Ali*

How to Search Online Database

*Siti Nur Dina Mohd Ali*

Bengkel CDL

*Siti Nur Dina Mohd Ali*



# Menarik

## EDISI INI

### PROGRAM

#### APB KAMPUS REMBAU

APB Language and Cultural Fair 2019

*Mashitah Nordin*

Kai Kai Xin Xue Hua Yu: Mengenali Budaya Cina Menerusi Permainan

*Nur Farrah Atiqah Amran dan Azhani Almuddin*

Grammar Learning Adventures (GLAD)

*Mohamed Hafizuddin Mohamed Jamans*

#### APB KAMPUS REMBAU

Bengkel Perancangan Strategik 2019 - 2024

*Nur Amirah Nabihah Zainal Abidin dan Nur Hakimah Md Sallehuddin*

Pertandingan "Super Spellers" 2019

*Siti Farhani Mohd Ali*

English Language Camp: SMK Senawang

*Siti Farhani Mohd Ali*

Program "Cancer Awareness" 1/2019

*Chong Geeng Ling, Teoh Joo Tong dan Sheela Paramasivam*

Bengkel Benchmarking EET 699

*Aini Anida Adnan*

Taklimat Pencegahan Kebakaran

*Siti Fatimah Abd Rahman*



# ARTIKEL

# TIRAI BAHASA

Nur Hanini Mohd Ariff

APB SEREMBAN

*“Batas bahasaku bererti duniaku.*

*Yang mana tidak dapat dibicarakan, dia harus diam”*

*(Ludwig Wittgenstein)*

Memetik daripada kata-kata seorang ahli falsafah bahasa Austria yakni Ludwig Wittgenstein, bahasa itu merangkumi segenap aspek kehidupan bagi seseorang yang bernama manusia. Manusia dan bahasa. Saling berkaitan dan saling memerlukan. Kehadiran akal yang dianugerahkan oleh Allah SWT telah memperlihatkan bagaimana manusia mampu menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dan saling mengenali antara satu sama lain. Jika dilihat dari sudut linguistik pula, Noam Chomsky telah menyatakan bahawa bahasa dapat dikuasai melalui ‘Nahu Universal’ iaitu alat pemerolehan bahasa semula jadi. Alat ini sebenarnya ialah akal yang telah wujud dalam otak manusia sejak lahir lagi. Melalui Nahu Universal inilah, manusia mampu mempelajari dan menyimpan perbendaharaan kata dalam otak mereka. Justeru itu, manusia akan mampu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa ibunda ataupun bahasa kedua mereka.

Melihat kepada arus peredaran masa, bahasa masih lagi menjadi lambang dan identiti bagi sesebuah kelompok masyarakat. Jika nama Melayu disebut, sudah pasti budaya, adat resam dan peribadi masyarakatnya akan tergambar. Nama Melayu ataupun orang Melayu tidak hanya ada di Malaysia sahaja, bahkan ada di serata pelosok kepulauan. Misalnya di Madagascar, Papua New Guinea, Taiwan, Thailand, Filipina dan sebagainya. Pertebaran masyarakat Melayu di serata dunia ini terjadi berikutan banjir besar yang telah melanda Benua Sunda, tempat asal bagi masyarakat Melayu. Walaupun penempatan masyarakat Melayu itu berbeza, mereka masih lagi menggunakan bahasa Melayu, mengamalkan budaya Melayu serta berpakaian seperti orang Melayu. Rupa bentuk dan fizikal tubuh badan juga adalah sama seperti masyarakat Melayu yang ada di Semenanjung Malaysia ini.

Bahasa bukan sahaja menjadi identiti sesebuah masyarakat ataupun alat untuk berkomunikasi, tetapi juga digunakan dalam medium penulisan. Medium penulisan dalam bahasa amat luas, dan amat berkait rapat dengan pemikiran yang kreatif serta puitis. Terdapat pelbagai genre dalam bidang penulisan. Misalnya genre cinta, mistik, fantasi, fiksyen, bukan fiksyen, pengembaraan, lawak, saintifik dan sebagainya. Dalam dunia penerbitan, bidang penulisan kreatif sudah sinonim pada mata dan pendengaran masyarakat. Bahkan, ramai yang berminat untuk membaca hasil-hasil penulisan yang terdapat di pasaran. Ada kalanya, mesej yang cuba disampaikan dalam penulisan itu lebih mudah untuk difahami dan dihayati tatkala sedang bersendirian. Hasil penulisan itu terkadang mampu menyentuh dan mengusik hati seorang pembaca. Namun, semuanya perlu diteliti dari segi penggunaan bahasanya terlebih dahulu. Maka, pengetahuan tentang bahasa perlu dipelajari terlebih dahulu bagi memastikan sesuatu penulisan itu berkualiti.

Sekian.

# TIRAI BAHASA

Nur Hanini Mohd Ariff

APB SEREMBAN

*Hidup tanpa bahasa*

*Ibarat minda*

*tanpa fikirannya,*

*ibarat hidup*

*tiada tujuannya,*

*Ibarat falsafah yang  
mati pendiriannya.*

*Singkaplah tirai di  
balik bahasa,*

*Mencari erti di  
sebalik realiti,*

*Mencari diri yang  
beridentiti.*

*Biar kelak,  
ketemu diri.*

# WHAT IF...

Afni Anida Adnan

APB SEREMBAN

One of the most interesting features of the English language is perhaps the way the conditional 'if' is documented and subsequently, expressed in the language. The conditional 'if' features as the main premise of Rudyard Kipling's poem, titled as such ('If') and can be found in the lyrics of songs, such as Beyoncé's 'If I were a boy', and George Benson's 'Nothing's Gonna Change my love for you' (If I had to live my life without you near me and if the road ahead is not so easy).

The conditional 'If' in English, is probably the one grammatical feature which is formed using tenses which are contextual, more for the purpose of reflecting the intention and feelings of the speaker, as opposed to most sentences where the tense used is mainly to indicate the timeframe of the events taking place.

The conditional if, when taken into account with great scrutiny, is a lexical feature with only one function and when translated to Bahasa Malaysia, simply means 'kalau/jika/ jika kalau'.

Interestingly however, in English, this seemingly simple feature takes four different forms, and each form is a combination of the lexical 'if', followed by dependent clauses which are in four fixed tenses, depending on the type of conditional one wishes to use.

Below are the four types of the conditional if in the English Language and when they are used:

## 1 ZERO CONDITIONAL

### FORM

If + simple present  
...present simple

### Example:

If you freeze water, it turns into ice.

### USE

For facts/ things which are absolutely true. (100% true)

(Tidak dapat disangkal, fakta)

### IN BAHASA MALAYSIA

Expressed with words such as 'akan' or 'mesti'

### Contoh:

Kalau kita bukukan air, ia (akan/mesti) bertukar menjadi ais.

(This is a guaranteed event/ scientific truth)

# WHAT IF...

Afni Anida Adnan

APB SEREMBAN

## 2 TYPE 1: CONDITIONAL

### FORM

If + simple present...  
will/can/may + infinitive

### Example 1

If it rains heavily, the river will overflow.

### Example 2

If it rains heavily, we may get wet.

### USE

For events which are highly likely to happen, but carries a small chance of the event not happening (95% true)

(Ada kemungkinan kecil ianya tidak berlaku)

### IN BAHASA MALAYSIA

Expressed with words like 'besar kemungkinan-akan'

Kalau hujan turun dengan lebatnya, besar kemungkinan sungai itu akan melimpah.

## 3 TYPE 2: CONDITIONAL

### FORM

If + past simple,  
...would + infinitive

### Example 1:

If I were a bird, I would fly to the four corners of the earth.  
(Here, it is 100% unlikely that a human being could be a bird).

### Example 2:

Person A to Person B:  
If I were you, I would be very careful.  
(Here, Person A can never be Person B, and vice versa)

### Example 3:

If I had billions of ringgit, I would travel the world.  
(Well, if we all had that much money, we wouldn't be reading this would we? Instead we would be lying down on some beach just watching the world go by)

### USE

For events which are 100% NOT likely to happen- more of wishful thinking, or 'crazy thoughts'.

(Tidak akan berlaku langsung - lebih kepada angan-angan kosong atau yang tidak logik)

### IN BAHASA MALAYSIA

Expressed with the suffix 'lah' after the intended and emphasized noun/ adjective.

Kalau aku seekor burunglah, akan aku terbang ke seluruh pelusuk dunia.

Note that this is slightly different from when the suffix 'lah' is placed after the word 'if' (Kalaukah aku seekor burung) - this structure leans towards a certain degree of regret which is used as the third conditional.

## 4

## TYPE 3: CONDITIONAL

**FORM**

If + past perfect + would/  
wouldn't have + participle

If I had known Anuar Zain  
was going to be there I  
would have attended the  
dinner.

(Here the so called dinner  
had already taken place  
and the person regrets not  
attending it, because  
Anuar Zain is his favourite  
singer.)

**USE**

Also known as 'the regret'  
conditional. The event has  
passed and there is  
nothing one can do about  
it.

Menggambarkan  
penyesalan; nasi telah  
menjadi bubur.

**IN  
BAHASA  
MALAYSIA**

Expressed with the suffix  
'lah' after the conditional  
'if':

Kalaulah saya belajar  
bersungguh-sungguh,  
nescaya saya akan lulus  
kertas ujian tempoh hari.

So, there you have it, the 4 types of Conditionals in English, each one carrying its own unique meaning according to use. If you have any questions, please do not hesitate to write in to me at afnia424@uitm.edu.my

**References:**

1. Aitken, R. (1992). *Teaching Tenses: Ideas for Presenting and Practising Tenses in English*. Longman
2. Lyrics.com (<https://www.lyrics.com>) : If I were a Boy (Beyonce Knowles) and Nothing's Gonna Change my Love for You (George Benson)
3. Perfect-english-grammar.com (<https://perfect-english-grammar.com>) - The four types of Conditionals
4. Poems.org (<https://poets.org>) If-Poem by Rudyard Kipling

# BAHASA "TEMBOK BESAR"

*Nur Shallaa Shamimi Abdul Razak*

APB SEREMBAN

Bahasa merupakan elemen teras dalam peradaban sesuatu kaum atau bangsa. Pada tahun 2020 kini, kebanyakkan rakyat Malaysia bukan sahaja hanya boleh menguasai bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa kedua, Bahasa Inggeris, malah rakyat Malaysia juga berkebolehan dalam menguasai bahasa ketiga seperti Bahasa Arab, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin. Pengajaran dan pembelajaran bahasa ketiga semakin meluas dalam setiap lapisan masyarakat terutamanya di peringkat sekolah dan juga universiti. Peluang mempelajari bahasa ketiga turut terbuka luas kepada mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Teknologi Mara (UiTM) khususnya. Hal ini tentu sekali memberikan pengetahuan dan pengalaman yang lebih menarik kepada mahasiswa mahasiswi yang mempelajari bahasa ketiga di UiTM.

Selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), Bahasa Mandarin menjadi bahasa yang hangat khususnya dalam industri global kini. Hal ini berikutan pasaran dan ekonomi dunia pada masa kini dikuasai oleh negara China. Oleh itu, penguasaan Bahasa Mandarin bukan sahaja menjadi nilai tambah kepada seorang individu dalam menghadapi cabaran global, disamping juga dapat mengenal budaya dan tradisi masyarakat kaum Cina yang tidak asing lagi di tanah air ini yang terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Namun begitu, apakah sebenarnya yang menarik tentang Bahasa Mandarin sehingga ia digelar sebagai ‘bahasa ekonomi’?. Justeru, berikut merupakan fakta-fakta menarik yang perlu kita ketahui tentang bahasa ini, bak kata pepatah cina 不认识就不爱 (bù rěnshí jiù bù ài) yang bermaksud tak kenal maka tak cinta!

## i. Bahasa pǔtōnghuà

Pǔtōnghuà bermaksud bahasa kebangsaan ataupun bahasa rasmi bagi sesebuah negara. Sepertimana Bahasa Malaysia diangkat sebagai bahasa kebangsaan negara kita, begitu juga Bahasa Mandarin yang dijadikan bahasa rasmi bagi negara Republik Rakyat China. Terdapat 56 etnik dengan populasi sebanyak 1.3 bilion rakyat di negara China, bahasa Mandarin yang juga dikenali sebagai 汉语 (hàn yǔ) merupakan bahasa asal bagi kaum Han yang merupakan etnik ataupun kaum majoriti negara tersebut. Bahasa tersebut juga digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian dalam kalangan rakyat China, sekaligus diiktiraf sebagai bahasa ibunda, 母语 (mǔ yǔ) negara China. Walaubagaimanapun, di Malaysia Bahasa Cina lebih dikenali sebagai 华语 (huá yǔ) yang merujuk kepada Bahasa Mandarin yang digunakan oleh kaum cina yang bukan berasal dari tanah besar China.

## ii. Bahasa lukisan



Ramai beranggapan bahawa tulisan cina atau dikenali sebagai 汉字(hàn zì) merupakan tulisan yang paling sukar di dunia. Hal ini tidak dapat disangkal lagi memandangkan bahasa tersebut berbeza dengan Bahasa Melayu yang mempunyai 26 huruf abjad Latin. Dalam Bahasa Mandarin, kebanyakkan 汉字(hàn zì) yang digunakan pada masa kini adalah merupakan sejarah lukisan pada zaman dahulu yang telah melalui beberapa fasa modenisasi. Terdapat lebih kurang 100,000 karakter Mandarin yang berjaya direkodkan, walaubagaimanapun hanya 2,500 karakter Mandarin yang akan digunakan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, adalah lebih mudah dan menarik jika seseorang individu dapat mempelajari sejarah asal-usul 汉字(hàn zì) di samping mempelajari cara menulis dan maksud sesuatu 汉字(hàn zì) itu. Sebagai contoh, perkataan matahari, 日 (rì) dan mata, 目 (mù).

## HOW COMMUNITY PROJECTS OPEN UP WINDOWS OF LEARNING AND AWARENESS

Associate Professor Dr Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo


APB SEREMBAN

It was in 2018 that our Coordinator, Encik Mohd Nur Fitri had a casual chat with a few of us. He said that it was time for us to do a Corporate Social Responsibility (CSR) project. He also mentioned that it would be good to think of something different from the past. In the past, we focused on schools and activities associated with school children. We cracked our heads and it came across my mind - in the name of a really wonderful, loving and caring uncle - Uncle Sam Joseph, a good old family friend.

Uncle Sam arranged for us to meet the principal of the Taman Sinar Harapan, Tengku Ampuan Najihah Home, Seremban. The school is under the Welfare Department of the state. This is where the story starts. I would like to state at this point that, without uncle Sam, our connection and plan for the project would not have materialized. Uncle Sam was someone who was into social work like this, tirelessly, day in and day out and he helped facilitate our work with the Home.

This Home houses children with special needs as well as hyperactive children. The Home helps to prepare these children with suitable skills to equip them in coping with life as well as to provide safe spaces for them. The security is tight and the children need not fear anything. The number of children could vary from 60- 100 at any one time.

Our story started with visits to the home and chats with uncle Sam, followed by the principal and staff of the home. Quickly the committee was set up and every single member of the department - Academy of Language Studies, UiTM NS, Seremban campus, were fully involved. A day was fixed for our project with the children. It was not only us - the Academy of Language Studies staff, but also our students, who were involved. Preparations for this one day event began months before the actual day. Our staff and students showed their commitment and dedication to such a worthy cause, in being able to reach out to a group of children we had not met yet.



## HOW COMMUNITY PROJECTS OPEN UP WINDOWS OF LEARNING AND AWARENESS

Associate Professor Dr Angeline Ranjethamoney Vijayarajoo

APB SEREMBAN

The special day came. The event was graced by the presence of the state assembly representative, Director of the Welfare Department, the principal and staff of the school, staff and students of the Academy of language Studies, UiTM Seremban, and not forgetting, uncle Sam.

What we took with us on that one day programme, in terms of the tangible, included book shelves, books, toiletries, Mc Donald food and a whole lot of game equipment to play and have fun with the children. The books and bookshelves were bought using money raised during the APB Language Week Jumble Sale.

What we took with us on that one day programme, in terms of the intangible, included a lot of love, commitment, patience, empathy and care for children, who are not as fortunate as us. It was a matter of reaching out to the children, from every one of us from the campus.

What we brought back from that experience cannot be documented as not every learning experience and awareness can be articulated in concrete terms. In a nutshell, we realized that there is so much to do in life and we need to look for such opportunities to reach out to special groups. We were also reminded to be thankful for what we had. It is a futile exercise to compare ourselves with those who have more, but to be thankful for what we have, and to begin to reach out to more individuals and groups, who have less than us. The happy faces we saw and the experience of sharing with the children will remain a great joy in our hearts. Yes, we are indeed blessed with so much to give and share. We look forward to more similar joys.

We will be sharing our next Corporate Social Responsibility (CSR) project in the bulletins to come.

# PROGRAM



*APB*  
*Kuala Pilah*

# PIERS

## *Project to Improve English in Rural Schools*



Disediakan oleh:

Dr. Alice Shanti

PIERS was carried out to plant the seeds of confidence and motivation to acquire English among students from rural schools by engaging them in group efforts. The program was carried out in four secondary schools in the district of Kuala Pilah over a period five months. The objectives of PIERS were:

- i) to build students' self-confidence to use English language.
- ii) to eradicate the presumption that English is a difficult language to acquire by making acquiring English fun.

More than 400 secondary school students participated in the program. To guide the school students, 40 university students from UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah (UiTMCNS KP) were trained as facilitators. Three activities were carried out: Readers Theatre, Choral Speaking and Storyboard. During the program the facilitators got to brush up on their leadership, communication and facilitating skills. Based on a study that was carried out to check on the students' perception on PIERS before and after the activities, there was a sharp improvement in the students' motivation and confidence to use English. According to the same study one of the features that gave rise to the marked improvement was the support and encouragements that they received from the student facilitators, who encouraged them to use online tools such as dictionaries and google search to enhance the final product of their group activities.

There were three spin-offs from this project whereby four UiTMCNS KP lecturers (PIERS advisors) produced a product (PIERS booklet) that won a Silver Award at Invention, Innovation & Design Exposition (IIDEX2019). Secondly, five UiTMCNS KP students (PIERS facilitators) showcased the PIERS project at International Invention, Innovation Creation Exhibition (IIICE2019) that won the team a Silver Award. Finally, based on the success of the program the District Education department and the school principals requested that the program to be carried out as a continuous effort to foster greater collaboration between UiTM CNS and its surrounding communities. Hence, this program was adopted as part of the "UiTM for Community" project spear-headed by the Rector of UiTM CNS, Prof Dr Yamin Yasin. Hence, PIERS became ELERS (English language Enhancement for Rural Schools) and it will be carried out at a bigger scale in the state of Negeri Sembilan in 2020.

# Taklimat Khind Starfish Foundation



4 APRIL 2019  
MAKMAL BAHASA 1

Disediakan oleh:

Siti Nur Dina Mohd Ali

Taklimat ini diadakan rentetan dari Taklimat KHIND Starfish Foundation yang telah diadakan pada peringkat universiti di UiTM Kampus Seremban. Dr Alice Shanti, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Bahasa, Kampus Kuala Pilah, menyampaikan perkongsian berkenaan program yang sesuai dijalankan di peringkat jabatan Akademi Pengajian Bahasa. Taklimat ini sangat bermanfaat buat pensyarah-pensyarah terutama sekali berkenaan prosedur permohonan geran yang ditawarkan pihak KHIND bagi setiap permohonan yang berjaya. Tajaan berbentuk bantuan kewangan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan berbentuk Pendidikan ini sedikit sebanyak dapat menyuntik semangat para pensyarah untuk mereliasakin idea-idea berasa kepada masyarakat setempat sekitar daerah-daerah di Negeri Sembilan.

# Tautan Hati dan Khidmat Bakti

31 MAC 2019

BENGKEL SERI PERKASA, JOHOL



Disediakan oleh:

Norshida Binti Hashim  
Syahirah Binti Almuddin  
PROF. MADYA ZAINON BIN  
Noor Shahida Binti Wahab

KETUA PENGARAH

MOHD NUR FITRI BIN MOH

**PENASIHAT**

PROF. MADYA ZAINON BIN

Noor Shahida Binti Wahab



Persatuan Bahasa Arab dengan kerjasama Persatuan Biosmartteam telah menjalankan satu program Tautan Hati dan Khidmat Bakti yang bertempat di Pusat Jagaan Bengkel Seri Perkasa Johol pada 31 Mac 2019. Program yang berlangsung selama satu hari ini melibatkan ahli daripada kedua-dua persatuan seramai 40 orang mahasiswa dengan bimbingan dua orang penasihat persatuan Bahasa Arab dan dibantu oleh dua orang pensyarah Bahasa Arab. Penghuni Bengkel Seri Perkasa pula adalah seramai 15 orang. Para pelajar telah menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti permainan sukan dan memperkenalkan huruf hijaiyyah dan binatang dalam Bahasa Arab kepada penghuni Bengkel Seri Perkasa.

Di antara objektif pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan ini adalah untuk membantu masyarakat berkelainan upaya mengoptimakan penggunaan bahasa yang lebih baik di dalam kehidupan seharian di samping meningkatkan rasa berkasih sayang dalam kalangan pelajar yang terlibat. Pelajar juga diharap dapat memajukan diri lebih ke hadapan di dalam aktiviti akademik.

Di samping mendidik intelektual dakepimpinan mahasiswa, APB Kuala Pilah telah mengorak langkah setapak ke hadapan dalam mendidik dan memupuk rasa simpati dan kasih sayang terhadap warga emas dan golongan yang kurang berkeupayaan. Dengan kerjasama Persatuan Biosmartteam, Persatuan Bahasa Arab telah sama-sama menjalankan satu program tautan hati dan khidmat bakti.

Akhir sekali,  
tujuan utama  
kami menganjurkan  
aktiviti ini adalah untuk  
membantu warga emas yang  
kurang bernasib baik atas dasar  
sukarelawan. Persatuan Bahasa Arab  
dan Biosmartteam telah menyediakan  
bantuan berbentuk barang keperluan kepada  
pihak Bengkel Seri Perkasa bagi meringankan sedikit  
beban mereka.

Akhir kalam, kami berharap pada masa hadapan, program seperti  
ini dapat diadakan lagi dengan memperbanyakkan lagi penglibatan  
daripada para mahasiswa dan juga para pensyarah UiTM Kuala Pilah dan  
mungkin sekaligus bersama dengan masyarakat luar UiTM Kuala Pilah.

PENSYARAH TERLIBAT: Norshida Hashim, Tuan Sarifah Aini Syed Ahmad, Syahirah Almuddin, Noor Shahida Wahab, Nor Fadhlin Jaafar, Siti Nafisah Md. Rashid, Nur Azimah Osman, Amirah Shariff dan Mardiana Ahmad



# How to Search Online Databases

15 MEI 2019

MAKMAL PTAR



Akademi Pengajian Bahasa dengan kerjasama Perpustakaan Tunku Abdul Razak (PTAR), Kampus Kuala Pilah telah mengadakan bengkel pada 15 Mei 2019. Kerjasama yang diadakan sepanjang slot-slot talking circles APB sebelum ini telah disampaikan En Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan, Kampus Kuala Pilah. Bengkel ini memberi pendedahan berkenaan pencarian maklumat atas talian secara lebih tepat khususnya berkenaan kajian-kajian ilmiah dari sumber yang lebih bermutu. Sesi perkongsian ini memberi impak kepada para pensyarah tentang pengendalian sumber-sumber data atas talian secara tepat.

Disediakan oleh:

Siti Nur Dina Mohd Ali

# Bengkel CDL

17 JULAI 2019

MAKMAL BAHASA 1



Disediakan oleh:

Siti Nur Dina Mohd Ali



Bengkel ini telah diadakan pada 17 Julai 2019. En Izzat Rahim selaku Penyelaras OBE/CDL APB Kampus Kuala Pilah mengadakan taklimat ringkar berkenaan komponen-komponen CDL untuk diisi para pensyarah setiap semester selepas peperiksaan akhir tamat. Para pensyarah turut menyediakan laporan CDL dan diserahkan kepada Lecturer-in-Charge (LIC) kod kursus masing-masing. Bengkel ini amat bermanfaat kerana para pensyarah dapat menyediakan laporan CDLS yang lengkap kepada LICS masing-masing seterusnya mengurangkan risiko-risiko maklumat penting berkenaan komponen CDL tidak disampaikan secara jelas.



# *APB Language & Cultural Day*

14 OKTOBER - 16 OKTOBER 2019

KAMPUS REMBAU



Program ini dianjurkan oleh Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Rembau bertemakan "Bridging Communication Barriers".

Pelbagai aktiviti yang dijalankan merangkumi Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab seperti Reader's Theatre Performance, English Parliamentary Debate, Mandarin Choir Competition, Pertandingan Mughamarah (Explorace) dan pelbagai lagi aktiviti lain.



Disediakan oleh:  
*Mashitah Nordin*



Program ini telah berjaya mencapai objektif perlaksanaan hasil paduan tenaga para pensyarah dan para pelajar di mana pembelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab dapat dijalankan menerusi medium yang berbeza iaitu di luar konteks kelas selaras dengan perlaksanaan Week Without Wall (WWW) yang diperkenalkan oleh UiTM.

Seramai 450 orang pelajar ijazah dan diploma dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan Maklumat dan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media telah mengambil bahagian dalam aktiviti yang diadakan.

# Kai Kai Xin Xue Hua Yu: Mengenali Budaya Cina Menerusi Permainan

2 NOVEMBER 2019

SEKOLAH MENENGAH SAINS REMBAU (SEMESRA)



Seramai 18 orang ahli Kelab Bahasa UiTM Rembau telah menjalankan program Kai Kai Xin Xue Hua Yu (Happy Mandarin) di bawah kelolaan Dr. Siang Lay Choo, pensyarah Bahasa Mandarin mengambil inisiatif melalui permainan untuk memperkenalkan budaya yang terdapat dalam masyarakat cina. Antara budaya yang diperkenalkan ialah menghias tanglung, cara menggunakan chopstick dan paper-cutting. Seramai 157 orang pelajar tingkatan 2 telah menyertai aktiviti ini.

Program ini telah ditaja oleh Khind Starfish Foundation di bawah Projects for Happiness. Menerusi program ini diharapkan pelajar SEMESRA dapat memupuk semangat perpaduan kaum dengan mengenali budaya kaum lain. Tidak sempurna pembelajaran bahasa asing tanpa pengetahuan budaya masyarakat penutur jati. Program ini juga telah mendapat liputan akhbar cina Kwong Wah pada 23 November 2019.

Disediakan oleh:

Nur Farrah Atiqah Amran &  
Azhani Almuddin

# Grammar Learning Adventures (GLAD)

4 OKTOBER - 5 OKTOBER 2019

SEKOLAH KEBANGSAAN BONGEK, REMBAU

This event was successfully executed in the year of 2019. This project was planned and done as a mean to help out students in rural school to learn more about the English language and focus specifically in grammar aspect of the English language.

It all started with a simple yet interesting project presentation to get sponsorship from Khind Starfish Foundation. The presentation was done on 6th of July in 2019 at KHIND's headquarters. After rigorous attempt in presenting the ideas during the presentation, Khind awarded APB with a sponsorship deal worth RM 4200.00



There were numerous activities done to support the goal, mission and vision of the project such as Workbook Adventure, Boardgame Challenge and Short Stories Camp.

102 students from SMK Bongek, Rembau participated in this event.

Associate Professor Dr Norwati Binti Haji Roslim, Associate Professor Dr. Soo Kum Yoke and Nur Faathinah Mohammad Roslan were among the lectures who involved in this event.

Disediakan oleh:

Mohamed Hafizuddin Bin Mohamed Jamrus



*APB*  
*Seremban*



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

AKADEMI The  
PENGAJIAN Home of  
BAHASA & Ar

**'BENGKEL PERANCANGAN  
STRATEGIK  
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UiTM CAWANGAN NEGERI  
SEMBOLAN  
2019-2024'**

29 & 30 JANUARI 2019

*Bengkel Perancangan Strategik  
Akademi Pengajian Bahasa  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
2019-2024*

29 - 30 JANUARI 2019

BILIK MESUARAT HEP, UiTM KAMPUS SEREMBAN



Bengkel Perancangan Strategik Akademi Pengajian Bahasa

2019-2024 kali ini diadakan di UiTM Kampus Seremban selama dua hari.

Bengkel ini diketuai oleh Professor Madya Zainon Ismail dan dihadiri oleh semua pensyarah dari Kampus Kuala Pilah, Rembau dan Seremban.



Disediakan oleh:

Nur Amirah Nabihah Zainal Abidin  
Nur Hakimah Md Sallehuddin



# Pertandingan Super Spellers 2019

27 APRIL 2019

UiTM KAMPUS SEREMBAN



Seramai 120 orang pelajar dari Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di sekitar Seremban telah menyertai Pertandingan Super Spellers 2019 anjuran bersama Akademi Pengajian Bahasa dan SK Taman Rasah Jaya Seremban pada 27 April 2019 yang lalu. Pertandingan ini merangkumi ujian penulisan dan juga ujian mengeja di dalam Bahasa Inggeris. Program ini merupakan salah satu usaha pihak sekolah dan juga pihak universiti untuk menjadikan Bahasa Inggeris sebagai satu bahasa yang menyeronokkan kepada para pelajar di bangku sekolah rendah lagi.



Disediakan oleh:  
*Siti Farhani Mohd Ali*



# Program "Cancer Awareness"

## 1/2019

17 APRIL 2019

TPSU 2



Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM NS Kampus Seremban dan National Cancer Society Malaysia (NCSM), sebuah pertubuhan NGO yang aktif dalam menangani kanser bekerjasama menganjurkan program yang bernama "Cancer Awareness" 1/2019.

Program ini dijalankan pada hari Rabu, 17 April 2019, di UiTM Negeri Sembilan, Kampus Seremban. Pada pukul 9 pagi, ceramah telah diadakan di Dewan Tok Puan Sungai Ujong 2. Rektor UiTM Negeri Sembilan Prof Dato' Dr Nasrudin Mohammed telah merasmikan program ini. Yang turut hadir ialah Penolong Rektor, Prof. Madya Mohammad Nor Othman dan Ketua Pusat Pengajian APB Prof. Madya Zainon Binti Ismail serta Dr. Nur Asyraff bin Mohd Noor dari Unit Kesihatan UiTM Kampus Seremban.

Michaelina Chua selaku Pengurus Projek Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (Wilayah Selatan) telah memberi pengenalan tentang latar belakang National Cancer Society Malaysia. Manakala Dr Mazwela bt Mohamad (doktor pakar HTJ Seremban) memberi ceramah tentang gejala penyakit kanser dan proses rawatan kanser. Dr Sujatha Menon (Pensyarah Kanan Bahasa Inggeris dari UiTM Cawangan Melaka, sukarelawan di NCSM Cawangan Melaka dan cancer survivor) juga berkongsi pengalaman beliau dan kepentingan fikiran yang positif dalam melawan penyakit kanser. Para penceramah telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang aspek penyakit kanser dan cara mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Pemeriksaan payu dara secara percuma telah dijalankan pada pukul 2 petang di Unit Kesihatan UiTM Kampus Seremban. Di samping itu, staff dan sukarelawan dari HTJ dan NCSM juga mengendalikan kaunter penerangan dan pra-pendaftaran voucher percuma mamogram dan pap smear untuk warga UiTM yang berkelayakan. Baucar ini telah diberikan dengan harapan dapat membantu mengurangkan beban staff UiTM. Pemeriksaan ini telah mendapat sambutan yang amat baik dari staf dan pelajar UiTM. Seramai 175 orang pelajar dan staff Kampus Seremban telah menerima pemeriksaan payu dara ini.

Program ini telah memberi manfaat dari segi tahap pemahaman serta idea kepada semua peserta, terutamanya pendedahan tentang cara memeriksa payu dara dan mempraktikkan gaya hidup yang sihat.

Disediakan oleh:

*Chong Geeng Ling,  
Teoh Joo Tong, Sheela Paramasivam*


# Bengkel EET699

19 JULY 2019

MAKMAL KOMPUTER 1, FSKM



Bagi menjamin kesetaraan dan kualiti pemarkahan Ujian ‘English Exit Test’, atau lebih dikenali sebagai EET699, APB Seremban telah diberi tanggungjawab untuk mengadakan Bengkel Kesetaraan Pemarkahan EET699 (EET699 Benchmarking Workshop) yang dihadiri oleh pensyarah-pensyarah APB dari ketiga-tiga kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan: Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau.



Bengkel ini telah disertai oleh seramai 39 pensyarah 12 orang dari Kuala Pilah, 21 orang dari Seremban dan 6 orang dari Rembau yang mempelajari cara-cara terperinci mengenai pengagihan markah yang setara bagi kedua-dua ujian Bacaan dan Pendengaran EET699.

Penceramah bagi bengkel ini adalah daripada Akademi Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam iaitu: Prof. Dr Normah Abdullah, Puan Suchitra Nair dan Puan Turisiana Ahmad Bukhari.

Para peserta amat berpuas hati dengan maklumat serta tunjuk ajar yang telah diberi oleh para penceramah. Pihak APB UiTM Cawangan Negeri Sembilan berharap agar kerjasama antara APB Shah Alam dan UiTM CNS dapat diteruskan bagi menjamin dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan staf dan pelajar, khususnya bagi bidang yang berkaitan dengan Akademi Pengajaran Bahasa.



Disediakan oleh:

Afni Anida Adnan



# Taklimat Pencegahan Kebakaran

7 MEI 2019

**BILIK MESYUARAT HAL EHWAL AKADEMIK**

Satu program taklimat kebakaran telah dianjurkan oleh badan NGO kepada para pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bertempat di bilik mesyuarat HEA. Taklimat tersebut telah berlangsung selama dua jam bermula 10 pagi hingga 12 tengahari.

Taklimat tersebut telah disampaikan oleh wakil NGO, Madam Alice yang merupakan bekas jururawat di hospital kerajaan. Atas pengalaman sendiri di mana keluarganya ditimpa musibah kebakaran, Alice mengambil inisiatif untuk berhenti kerja sebagai jururawat. Beliau memulakan kerjaya sebagai penceramah bebas bersama badan NGO demi menyebarkan maklumat tentang betapa pentingnya kita untuk mencegah kebakaran dah apa yang perlu dilakukan sekiranya terlibat dengan musibah kebakaran.

Disediakan oleh:  
*Siti Fatimah Abd Rahman*

# *English Language Camp: SMK Senawang*

20 APRIL 2019

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SENAWANG



The English Camp was a strategic program organized by APB UiTM Seremban and SMK Senawang. The half-day program intended to encourage SMK Senawang students to learn English in a fun way. About 110 students participated in the event.

Activities such as Scattegories and Jingles were carried out with the help of UiTM students who volunteered to spend some of their time with the school students. It is hoped that the program can help the students to be brave in using English and also shows that English can be fun.



Disediakan oleh:

*Siti Farhani Mohd Ali*



AN INVESTMENT IN  
**KNOWLEDGE**  
PAYS THE BEST INTEREST.  
-Benjamin Franklin